

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TAHUN KEDUA
'OPEN MINDS'
DI RESTORAN JEJANTAS SUNGAI BULOH
PADA HARI JUMAAT, 8 SEPTEMBER 2000
JAM 4.00 PETANG**

Saya berasa gembira untuk kembali bersama dengan kakitangan syarikat Procter & Gamble pada tahun ini. Saya ingin mendahului ucapan saya dengan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada anda semua di atas program "Open Minds" yang dikendalikan dengan sungguh baik pada tahun lepas. Usaha murni syarikat Procter & Gamble dan "Open Minds" adalah satu contoh yang baik dan menunjukkan keprihatinan sebuah syarikat multinasional terhadap masyarakat dan komuniti tempatan.

2. Saya percaya sumbangan "Open Minds" sebanyak RM1 juta ringgit pada tahun lepas kemungkinan adalah antara sumbangan terbesar yang dikutip dalam jangkamasa 2 bulan, khas bagi pendidikan kanak-kanak istimewa di Malaysia. Usaha murni ini adalah sejajar dengan Wawasan negara untuk memupuk bukan sahaja masyarakat yang maju, tetapi masyarakat yang prihatin dan penyayang.

3. Dunia kita kini sedang mengalami revolusi teknologi maklumat. Dengan revolusi ini, kehidupan kita menjadi lebih efisien dan semuanya bergerak dengan pantas. Teknologi membawa kemudahan kepada kehidupan harian kita. Contohnya, semakin luput saat-saat di mana kita beratur di bank atau pejabat pos dan sebagainya. Kini, kita membuat urusan perbankan secara telebanking, mendapat rujukan doktor pakar di seluruh dunia melalui teknologi teleperubatan, dan membeli apa jua barangan di seluruh dunia melalui e-dagang tanpa perlu meninggalkan rumah.

4. Teknologi-teknologi ini berubah dengan begitu pantas, dan dengan setiap perubahan, ia memberi lebih kemudahan kepada pengguna. Dari segi pendidikan, teknologi juga banyak membawa kemudahan. Sekarang, kita boleh menimba ilmu dari universiti terkemuka dunia secara 'virtual' dan 'distant-learning'. Cara-cara pembelajaran juga semakin maju. Kini, adalah lebih mudah mendapat maklumat-maklumat dan penemuan kajian terkini melalui internet.

5. Revolusi teknologi membuat perkembangan manusia semakin maju. Kehidupan harian kita berlalu dengan begitu pantas. Produktivi kita semakin meningkat. Dalam kita ghairah mengejar kemajuan, ada segolongan masyarakat yang jauh ketinggalan - iaitu golongan kanak-kanak istimewa yang memerlukan keprihatinan kita. Kadangkala disebabkan oleh keperluan dan keadaan mereka, dan revolusi teknologi yang mara dengan begitu pantas, telah wujud jurang di antara mereka dengan masyarakat. Mereka sering dibezakan, atau dilupakan begitu sahaja.

6. Dalam kita leka mengejar kemajuan, janganlah kita lupa golongan istimewa ini. Dengan kemajuan teknologi, kanak-kanak ini juga dapat manfaat daripada penemuan kaedah-kaedah baru untuk pemulihan, kaedah-kaedah pembelajaran yang lebih efektif, dan menjalani kehidupan harian dengan lebih selesa. Dengan pendidikan dan jagaan khas, kanak-kanak istimewa ini juga dapat dididik untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna.

7. Di Malaysia, terdapat lebih kurang 75,000 orang kurang upaya yang didaftarkan di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pada keseluruhannya, bilangan orang kurang upaya yang berdaftar masih lagi rendah disebabkan sikap ibu bapa yang tidak mahu memberitahu mereka mempunyai anak kurang upaya. Usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengendalikan Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya di seluruh negara untuk menggalak dan meningkatkan kesedaran masyarakat di atas kepentingan anak mereka didaftar adalah wajar. Ini kerana intervensi awal dapat dilakukan untuk mengelakkan kecacatan yang lebih teruk dan perkhidmatan yang sesuai dapat dirancang dan disediakan. Adalah dijangka, satu dalam setiap 500 kanak-kanak di Malaysia dilahirkan dengan keadaan

cacat mental atau fizikal. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi penjagaan dan sokongan kepada kanak-kanak ini dan keluarga mereka. Dalam usaha mempertingkatkan kualiti hidup orang kurang upaya, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah memperkenalkan pelbagai dasar, program, perkhidmatan dan kemudahan kepada orang kurang upaya yang dilaksanakan secara berterusan.

8. Masyarakat juga harus memberi rangsangan, sokongan moral dan juga bantuan yang sewajarnya kepada kaum keluarga yang mempunyai anak-anak istimewa ini. Ini adalah kerana golongan istimewa ini juga mempunyai kelebihan yang tersendiri yang tidak diketahui sekiranya ianya tidak dipupuk dan diberi rangsangan.

9. Saya sungguh mengalu-alukan usaha murni "Open Minds" dan syarikat Procter & Gamble dengan usaha mereka untuk meningkatkan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak istimewa. Kemudahan kepada pendidikan adalah suatu hak asasi kanak-kanak. Dengan pendidikan, kanak-kanak istimewa dapat berdikari dan boleh menjadi individu berguna kepada negara.

10. Saya difahamkan bahawa sumbangan "Open Minds" pada tahun ini sebanyak RM500,000 akan disalurkan kepada beberapa Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh negara di bawah naungan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga kepada golongan kanak-kanak masalah pembelajaran di bawah jagaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya berasa gembira bahawa syarikat Procter & Gamble telah mengembangkan sayap sumbangan mereka kepada pusat-pusat pemulihan dalam komuniti yang jauh dan di kawasan pedalaman. Inilah golongan yang sering disisirkan. Ini adalah satu usaha yang sungguh dialu-alukan. Saya juga gembira bahawa jenis sumbangan yang diberi akan memenuhi keperluan-keperluan asas yang dapat membantu kanak-kanak ini dengan lebih baik.

11. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan mengucapkan syabas kepada kakitangan Procter & Gamble yang begitu komited terhadap usaha ini dan banyak meluangkan masa di luar jadual kerja seharian untuk kanak-kanak istimewa ini.

12. Saya menyeru kepada semua rakyat Malaysia sama ada individu, sektor-sektor korporat dan agensi-agensi Kerajaan agar memberikan sokongan padu terhadap program ini. Sokongan padu daripada anda semua akan membantu memastikan program "Open Minds" ini mendapat kejayaan dalam membantu memupuk masyarakat yang penyayang.

13. Dengan ini, saya sukacitanya melancarkan kempen "Open Minds" tahun 2000 dengan rasminya.
